

# Tiada apa-apa jasa PKR kepada rakyat: Khairy

Oleh Khairul Anuar  
Abdul Samad

**K**UALA KRAI: Rakyat negara ini wajar menguburkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) daripada arena politik tanah air kerana kehadiran parti itu selama ini tidak mampu meningkatkan demokrasi kepada negara.

Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, berkata kepemimpinan PKR diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim hanya mementingkan diri daripada perjuangan parti itu.

Beliau berkata, Anwar selaku pemimpin de facto PKR sanggup memecah belahkan parti untuk kepentingan diri dengan memilih mereka yang sanggup menjadi 'pak turut' saja.

"Saya tidak hairan dan bukan mengejutkan jika PKR berpecah dan ada pemimpinnya kini meninggalkan parti itu kerana ia sudah dijangka.

"Jika begitulah PKR, kita harus menolaknya dan terus kuburkannya. Bagi saya, jangan bagi peluang kepada PKR untuk berjuang di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda, Puteri dan Wanita Umno Bahagian Kuala Krai, di sini, semalam. Hadir sama Ketua Umno Bahagian Kuala Krai, Datuk Ramzi Ab Rahman.

Khairy berkata, Anwar bukan pe-

mimpin yang boleh meningkatkan perpaduan dalam organisasi.

Katanya, kemasukan Anwar dalam Umno dulu tidak membantu menyatupadukan parti, sebaliknya mewujudkan budaya berpecah-belah dan budaya itu kini dibawa masuk dalam PKR yang menyebabkan ramai pemimpin, termasuk rakannya sendiri meninggalkan parti itu.

"Apa yang berlaku dalam PKR kini sudah tentu tidak meyakinkan rakyat Malaysia untuk bernaung di bawah parti itu. Kalau parti sendiri tidak dapat diuruskan dengan baik, apakah mampu beliau mengurus negara," katanya.

Terdahulu dalam ucapan perasmianya, Khairy meminta Umno dan Barisan Nasional (BN) Kelantan mengambil kesempatan terhadap kekeliruan yang berlaku dalam Pas Kelantan ketika ini untuk menguasai negeri ini pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, banyak isu gagal dijawab Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, hingga mewujudkan fenomena 'Menteri Besar (MB) bisu.'



**BUKTI PENYELEWENGAN:** Khairy berucap ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda, Puteri dan Wanita Umno Bahagian Kuala Krai, semalam.

"Banyak isu berbangkit tidak dijawab Nik Aziz hingga berlaku fenomena 'MB bisu' sebaliknya ada MB kedua di Kelantan iaitu Datuk Husam Musa.

"Banyak isu yang ditanyakan kepada MB tidak dijawab termasuk berkaitan

pembalakan di Lojing," katanya.

Beliau berkata, Pemuda Umno Kelantan akan meminta siasatan dilakukan terhadap Husam dan penyelewengan membabitkan syarikat utiliti negeri, Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB).